



GARIS PANDUAN PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DOKTOR FALSAFAH MELALUI SALURAN LALUAN PANTAS (*FAST TRACK*) FAKULTI PERUBATAN

**SEKRETARIAT PENGAJIAN SISWAZAH
FAKULTI PERUBATAN UKM
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA**

Dikemaskini pada 9 Mac 2021

KANDUNGAN

PERKARA	HALAMAN
Tarikh Kelulusan	1
1.0 Pengenalan	2
2.0 Penetapan/ Syarat/ Kriteria Kelayakan	2
3.0 Syarat-Syarat Pengajian	2
4.0 Prosedur Permohonan	2
5.0 Keahlian Panel/Jawatankuasa Penilaian	4
6.0 Tarikh Kuat Kuasa	4
Appendix	
a) Lampiran A : Kerangka Kelayakan Malaysia Tahap Kelayakan Ijazah Sarjana	
b) Lampiran B : Standard Ijazah Sarjana Dan Kedoktoran Agensi Kelayakan Malaysia	
c) Carta Alir Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (<i>Fast Track</i>) Fakulti Perubatan	
d) Senarai Semak Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (<i>Fast Track</i>) Fakulti Perubatan	
e) Borang Penilaian Pembentangan Bagi Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (<i>Fast Track</i>) Fakulti Perubatan	

TARIKH KELULUSAN

- (a) Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Diluluskan Dalam Mesyuarat Senat Ke-426 bertarikh 28 September 2016.
- (b) Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Ijazah Doktor Falsafah melalui saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) berkuat kuasa mulai 1 Januari 2017.
- (c) Cadangan Prosedur Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Fakulti Perubatan telah dibincangkan pada 27 hingga 29 Disember 2019 di Bengkel Strategik dan Hala Tuju Pengurusan Pengajian Siswazah Fakulti Perubatan UKM.
- (d) Mesyuarat Jawatankuasa Pengajian Siswazah Ke-255 pada 15 Januari 2020 telah memperakukan Prosedur Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Fakulti Perubatan UKM.
- (e) Mesyuarat Fakulti Perubatan Ke-377 pada 12 Februari 2020 telah meluluskan Prosedur Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Fakulti Perubatan UKM.
- (f) Mesyuarat Fakulti Perubatan Ke-382 pada 23 Disember 2020 telah meluluskan Cadangan Tambahan Syarat Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*)

1.0 PENGENALAN

Garis Panduan ini adalah bertujuan bagi memberi panduan kepada Fakulti Perubatan dalam mempertimbangkan proses pengambilan pelajar graduan prasiswazah untuk mengikuti program Doktor Falsafah melalui saluran laluan pantas (*fast track*) Universiti Kebangsaan Malaysia.

2.0 PENETAPAN/ SYARAT/ KRITERIA KELAYAKAN

- (a) Permohonan dibuka kepada graduan yang dianugerahkan Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) daripada Universiti Kebangsaan Malaysia atau Institusi Pengajian Tinggi lain yang diiktiraf oleh Senat.
- (b) Graduan yang telah dianugerahkan Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Kelas Pertama (PNGK: 3.67 ke atas atau yang setara).
- (c) Bagi calon bukan warganegara, calon perlu mengemukakan kelulusan Test of English as Foreign Language (TOEFL) (skor: 550 Paper Based) atau International English Language Test System (IELTS) (skor: 6.5 Academic).
- (d) Calon perlu mengikuti program sangkutan (*attachment*) selama tiga (3) hingga enam (6) bulan di jabatan yang terlibat. Calon perlu memperoleh prestasi yang baik atau cemerlang bagi melayakkan calon memohon Saluran Laluan Pantas (*fast track*).

3.0 SYARAT-SYARAT PENGAJIAN

- (a) Pelajar perlu mengikuti program pengajian Doktor Falsafah selama enam (6) semester.
- (b) Permohonan pelanjutan semester boleh dipertimbangkan oleh Fakulti/Institut tertakluk kepada syarat dan keperluan semasa Universiti.
- (c) Pelajar dikehendaki menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian Doktor Falsafah dan kegiatan penyelidikan yang berhubung dengan program pengajian. Pelajar tidak dibenarkan sama sekali melakukan kegiatan-kegiatan lain yang boleh menjejaskan pengajiannya.
- (d) Pelajar adalah tertakluk kepada Peraturan dan Akta Universiti dan peraturan-peraturan lain yang berkuat kuasa dari masa ke semasa di Universiti Kebangsaan Malaysia.

4.0 PROSEDUR PERMOHONAN

- (a) Calon perlu mengisi permohonan mengikuti program Doktor Falsafah (Sepenuh Masa) melalui Sistem Guest atau eSPEED UKM.
- (b) Calon hendaklah mengikuti program pengajian di UKM secara sepenuh masa.
- (c) Calon dikehendaki menyediakan kertas cadangan tesis mengikut bidang yang dimohon.
- (d) Jabatan di Fakulti Perubatan mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pengambilan di peringkat Jabatan dalam tempoh 2 minggu selepas terima permohonan daripada calon pelajar untuk melihat kesesuaian bidang kajian dengan program pengajian.
- (e) Panel/Jawatankuasa Penilaian perlu membuat penilaian terhadap calon melalui sesi temuduga yang dianggotai oleh pakar bidang berkaitan sama ada calon layak mengikuti program peringkat Doktor Falsafah. Laporan panel penemu duga perlu menunjukkan bahawa calon memiliki tahap kelayakan peringkat Sarjana seperti digariskan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF) (Lampiran A). Tahap kelulusan penilaian calon ialah minimum 80% untuk calon diperakukan.
- (f) Calon yang berjaya akan menerima surat tawaran secara di atas talian melalui Sistem Guest/eSPEED manakala calon yang tidak berjaya boleh ditawarkan untuk mengikuti program pengajian di peringkat Sarjana.
- (g) Calon perlu membentangkan laporan kemajuan penyelidikan selepas setahun tempoh pengajian Doktor Falsafahnya. Ini bagi menilai prestasi akademik dan bagi memastikan calon mencapai hasil pembelajaran peringkat Sarjana (Lampiran B) dan memenuhi syarat-syarat lain yang berkaitan dalam pengajian Doktor Falsafah.
- (h) Sekiranya calon tidak mencapai tahap lulus dan layak meneruskan pengajian, calon boleh dipertimbangkan untuk mengikuti pengajian sarjana penyelidikan mengikut prosedur yang ditetapkan untuk pemindahan program.
- (i) Penilaian akademik calon untuk peringkat seterusnya perlu dibuat seperti mana pelajar yang mengikut pengajian Doktor Falsafah laluan biasa.
- (j) Calon perlu menduduki sesi peperiksaan lisan pada akhir pengajian Doktor Falsafah. Calon yang lulus akan dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah.
- (k) Calon yang tidak dapat dianugerahkan Ijazah Doktor Falsafah pada akhir peperiksaan lisannya boleh memohon untuk menukar program kepada peringkat sarjana melalui proses pemindahan program dan seterusnya memohon penilaian semula tesis bagi penganugerahan ijazah Sarjana tertakluk kepada prosedur penilaian tesis Sarjana yang ditetapkan untuk pelajar Sarjana laluan biasa. Calon boleh mengubahsuai tesis mengikut keperluan tesis Sarjana sebelum penilaian peringkat Sarjana dan masa pemastautin minimum selama satu semester untuk pengajian peringkat Sarjana adalah dikecualikan.

5.0 KEAHLIAN PANEL/JAWATANKUASA PENILAIAN

Satu panel penilai hendaklah dilantik dan dianggotai oleh:

- (a) Dekan/Pengarah atau wakilnya sebagai pengerusi; dan
- (b) Ketua Jabatan/Pengerusi Pusat Pengajian atau wakilnya; dan
- (c) Tiga (3) orang staf akademik Universiti dalam bidang berkaitan yang terdiri daripada Profesor atau Profesor Madya; dan
- (d) Penyelia Utama atau Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan; dan
- (e) Pegawai Tadbir dari Sekretariat Pengajian Siswazah.

6.0 TARIKH KUAT KUASA

Garis Panduan Pengambilan Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (*Fast Track*) Fakulti Perubatan berkuat kuasa pada mulai 12 Februari 2020.

APPENDIX

KERANGKA KELAYAKAN MALAYSIA TAHAP KELAYAKAN IJAZAH SARJANA

Ijazah sarjana memberi lanjutan pengetahuan, kemahiran dan kebolehan yang dicapai pada tahap sarjana muda. Kemasukan ke program sarjana biasanya berasaskan kepada kemampuan yang terbukti untuk mengikuti pengajian pascasiswazah dalam bidang yang dipilih. Ijazah sarjana dianugerahkan kepada pelajar yang boleh:

- (i) Menunjukkan pengetahuan dan kefahaman lanjutan atau tambahan daripada tahap sarjanamuda dan membangun atau mengguna idea lazimnya dalam konteks penyelidikan;
- (ii) Menggunakan pengetahuan dan kefahaman bagi menyelesaikan masalah yang berkaitan bidang pengajian dalam situasi baru dan konteks multidisiplin;
- (iii) Mengintegrasikan pengetahuan dan mengurus perkara kompleks;
- (iv) Membuat penilaian dan keputusan dalam keadaan tanpa atau dengan maklumat terhadap, mengambil kira tanggungjawab sosial dan etika yang berkaitan;
- (v) Menyampaikan rumusan, pengetahuan dan rasionalnya kepada pakar dan bukan pakar dengan jelas; dan
- (vi) Menguasai kemahiran belajar untuk terus maju dengan autonomi yang tinggi.

Nota: Buku Kompilasi Garis Panduan Pengajian Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia 2019


**STANDARD IJAZAH SARJANA DAN KEDOKTORAN
AGENCI KELAYAKAN MALAYSIA**

Hasil Pembelajaran Ijazah Sarjana Secara Penyelidikan di akhir program, siswazah wajib berupaya:

- 1) menunjukkan kepakaran dalam bidang berkenaan;
- 2) mengaplikasi kemahiran praktikal dalam bidang berkenaan;
- 3) mengaitkan idea terhadap isu masyarakat dalam bidang berkenaan;
- 4) menjalankan penyelidikan dengan penyeliaan minimum dan patuh kepada perundangan, etika dan kod amalan profesional;
- 5) menunjukkan kualiti kepimpinan melalui komunikasi dan kerjasama berkesan di kalangan penyelidik dan pihak berkepentingan;
- 6) menghasilkan penyelesaian kepada permasalahan menggunakan kemahiran saintifik dan pemikiran kritikal; dan
- 7) mengurus maklumat untuk pembelajaran sepanjang hayat.

Nota: Buku Kompilasi Garis Panduan Pengajian Siswazah Universiti Kebangsaan Malaysia 2019

**CARTA ALIR PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DOKTOR FALSAFAH MELALUI
SALURAN LALUAN PANTAS (FAST TRACK) FAKULTI PERUBATAN**



 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPS-FPER-SS01	No. Semakan: 01	Tarikh Kuatkuasa: 09/03/2021
	SENARAI SEMAK PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DOKTOR FALSAFAH MELALUI SALURAN LALUAN PANTAS (FAST TRACK) FAKULTI PERUBATAN		

NAMA CALON:

NO. PENDAFTARAN PELAJAR:

BIL.	PERKARA	SEMAK	PEMBUKTIAN
1.	Terima Borang Permohonan Calon Pelajar Program Doktor Falsafah Melalui Saluran Laluan Pantas (<i>Fast Track</i>) Fakulti Perubatan melalui Guest atau eSPEED UKM.		
2.	Calon yang telah dianugerahkan Ijazah Sarjanamuda (Kepujian) Kelas Pertama (PNGK: 3.67 ke atas atau yang setara).		
3.	Bagi calon bukan warganegara, calon perlu mengemukakan kelulusan Test of English as Foreign Language (TOEFL) (skor: 550 Paper Based) atau International English Language Test System (IELTS) (skor: 6.5 Academic).		
4.	Calon telah mengikuti program sangkutan selama 3 hingga 6 bulan di jabatan yang terlibat dan memperoleh penilaian baik atau cemerlang		
5.	Menghantar permohonan calon yang layak secara atas talian (<i>online</i>) kepada pihak Jabatan.		
6.	Penilaian Jawatankuasa Pengambilan Calon dalam tempoh 2 minggu di peringkat Jabatan untuk melihat kelayakan calon untuk mengikuti program tahap PhD dan laporan penilaian yang diminitkan.		
7.	Panel/Jawatankuasa Penilaian perlu membuat penilaian terhadap calon melalui sesi temuduga yang dianggotai oleh pakar bidang berkaitan sama ada calon layak mengikuti program peringkat Doktor Falsafah. Laporan panel penemu duga perlu menunjukkan bahawa calon memiliki tahap kelayakan peringkat Sarjana seperti digariskan di dalam Kerangka Kelayakan Malaysia (MQF).		
8.	Penilaian dan kelulusan perlu dibuat oleh Panel/ Jawatankuasa Penilaian di peringkat Fakulti dan tahap kelulusan penilaian calon ialah minimum 80% untuk calon diperakukan.		
9.	Mendapat sokongan bertulis daripada Penyelia Utama & Ketua Jabatan, perakuan MPS dan Mesyuarat Fakulti Perubatan.		
10.	Memaklumkan kepada calon pelajar status permohonan secara atas talian. Bagi calon yang berjaya melanjutkan pelajaran ke program pengajian, surat tawaran melanjutkan pelajaran akan dijana secara atas talian melalui Sistem Guest/eSPEED. Calon yang gagal dalam proses saringan/pemilihan boleh didaftarkan di program Sarjana Penyelidikan.		

 UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA <i>The National University of Malaysia</i>	UKM-SPS-FPER-PK01-BO01	No. Semakan: 01	Tarikh Kuatkuasa: 12/02/2020
	BORANG PENILAIAN PEMBENTANGAN BAGI PENGAMBILAN PELAJAR PROGRAM DOKTOR FALSAFAH MELALUI SALURAN LALUAN PANTAS (<i>FAST TRACK</i>) FAKULTI PERUBATAN		

A. MAKLUMAT PELAJAR

Nama	
No. kad pengenalan	
Program pengajian	
Tajuk pembentangan	
Nama penyelia utama	

B. KRITERIA PENILAIAN (Sila tandakan $\sqrt{}$ pada kotak berkenaan)

Skala penilaian: 1 = Sangat lemah; 2 = Lemah; 3 = Sederhana; 4 = Baik; 5 = Cemerlang

Bil.	Perkara	1	2	3	4	5	Ulasan / Cadangan
1.	Isi kandungan (mencukupi dan dibentangkan secara saintifik dan kritikal)						
2.	Slaid (teks jelas, kreatif dan mudah difahami)						
3.	Pembentangan oral (keyakinan diri dan kelancaran)						
4.	Perbincangan (dapat menjawab soalan yang diajukan)						
5.	Rujukan (penggunaan rujukan yang terkini)						
JUMLAH (Jumlah / 25 x 100)							Ulasan keseluruhan:

Nama penilai & tandatangan:

Tarikh: